

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL
(PAYA BESAR)**

TARIKH : 26 MEI 2016

RUJUKAN : 9066

SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tahap keselamatan bandar raya utama di seluruh negara berikutan beberapa siri pengeboman berani mati kumpulan DAESH berlaku di bandar raya utama benua Eropah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tahap keselamatan bandar raya utama di negara berada dalam keadaan baik dan terkawal daripada ancaman pengganas di dalam atau luar negara. Walaupun ancaman yang dibawa oleh kumpulan pengganas terutamanya Daesh adalah benar dan nyata, Kerajaan melalui Polis Di Raja Malaysia (PDRM) sentiasa meningkatkan pemantauan bagi memastikan negara berada dalam keadaan selamat dan bebas daripada ancaman keganasan.

Kerajaan tidak menolak kemungkinan ancaman pengganas di luar negara akan merebak ke negara kita. Dalam hal ini Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri dan Polis DiRaja Malaysia telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- 1) Secara berterusan telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak polis telah membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan pengganas tersebut;**
- 2) Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk / keluar pemeriksaan imigresen di seluruh negara;**
- 3) Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal ke**

atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci;

- 4) Kerajaan juga dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan;
- 5) Program penerangan kepada golongan belia seperti Program Belia Benci Keganasan diadakan dengan kerjasama NGO dan Polis DiRaja Malaysia kepada para pelajar sekolah, universiti dan NGO;
- 6) Selain itu, kerjasama antara pihak polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh kumpulan penganas dapat dikekang; dan
- 7) Menahan mereka di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Mereka yang ditahan akan menjalani program pemulihan secara bersepadu melalui Modul Pemulihan Bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri sendiri serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Harapan kerajaan adalah untuk mengembalikan mereka yang terpengaruh dengan ideologi kumpulan penganas ini kepada masyarakat untuk sama-sama membangunkan Negara yang tercinta ini.

Peranan melindungi keselamatan negara yang dimainkan oleh pihak polis sahaja tidak mampu untuk memastikan keselamatan negara di segenap penjuru. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat serta segenap lapisan masyarakat agar dapat bersama-sama kerajaan memerangi kumpulan pengganas ini. Peranan masyarakat untuk menyalurkan maklumat kepada pihak polis amat diharapkan agar elemen kumpulan pengganas dapat dibendung seterusnya dibanteras oleh kerajaan.